



Sari 26 (2008) 111 - 125

Siber Urbanisme: Pemikiran Melayu Tentang Bandar Pintar

JALALUDDIN ABDUL MALEK

ABSTRAK

Orang Melayu sudah terdedah kepada proses pambandaran sejak kesultanan Melaka. Tetapi, sepanjang zaman kolonial, mereka telah dipinggirkan dalam arus pambandaran kerana dasar “pecah dan perintah”. Selepas merdeka, mereka kembali menduduki kawasan bandar melalui proses migrasi desa ke bandar, ekoran pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (1971-1990), Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000) dan kini Dasar Pembangunan Wawasan (2001-2010). Hasilnya, bilangan orang Melayu kelas menengah di bandar telah meningkat, khususnya di bandar pintar yang dikenali juga dengan bandar siber, bandar maya dan ‘technopolis’. Sehingga kini, pihak berkuasa tempatan menamakan bandar pentadbiran mereka sebagai Bandaraya Melayu Bestari Shah Alam, Putrajaya dan Cyberjaya dengan majoriti penduduknya daripada orang Melayu. Sejajar perkembangan bandar pintar tersebut, pemikiran orang Melayu telah berubah daripada urbanisme kepada siber urbanisme. Rencana ini membincangkan perkembangan pemikiran siber urbanisme orang Melayu dengan menyentuh pandangan mereka tentang etika dan estetika pembangunan bandar pintar.

Kata kunci: Siber urbanisme, bandar pintar, Putrajaya, Cyberjaya.

ABSTRACT

Malays have since the Malacca Malay Sultanate been exposed to urbanization. But, they were marginalized under a “divide and rule” policy during colonial period. Only after gaining independence did they once again settle in urban areas through rural-urban migration under New Economic Policy (1971-1990), National Economic Growth Policy (1991-2000) and now National Visionary Growth Policy (2001-2010). Middle class Malays have thus grown in size in cities that are known as smart cities, cybercities, virtual cities and technopolis cities. Putrajaya and Cyberjaya are two such examples of intelligent cities with majority of the population comprising of Malays. There is a corresponding change in the Malay’s way of thinking from that of urbanism to cyberurbanism. This is in line with the development of intelligent cities and their increasing knowledge of Information Communication Technologies (ICTs).

Key words: Cyberurbanism, intelligent cities, Putrajaya, Cyberjaya



PENGENALAN

Bagaimana orang Melayu menerima konsep bandar pintar? Isu ini jarang dibincangkan, kerana ia agak baru, tetapi kesannya sudah terasa kerana proses pembangunan bandar pintar bergantung pada penerimaan penghuninya. Pemikiran perbandaran (urbanisme) (Soja 2000) melibatkan falsafah hidup mereka yang mendiami bandar yang berkenaan. Ia melibatkan perkara lahiriah dan juga bathiniah, termasuk isu moral, nilai, pemikiran dan etika.

Fikiran orang Melayu tentang bandar pintar terserlah dalam era Mahathir yang melaksanakan bandar pintar Putrajaya. Pembangunan bandar pintar itu diterajui orang Melayu tanpa meminggirkan kumpulan etnik lain. Buat masa ini, lebih kurang 70% penduduknya adalah orang Melayu daripada kelas menengah. Menurut banci penduduk tahun 2000, orang Melayu pada awal pembukaan Putrajaya adalah 83% dari keseluruhan penduduknya sebanyak 7,223 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia 2001). Perkara yang menarik dalam pembangunan Putrajaya bukan sahaja kerana ciri-ciri seni bina dan pandangan estetika bangunan fizikal, tetapi juga pembentukan budaya baru ekoran pelaksanaan ICT yang menjadi enjin utama pembangunan bandar pintar (Komninos 2002) demi mewujudkan masyarakat global bermaklumat (MGB).

Ketika memperkatakan kesan penggunaan ICT dalam pemikiran urbanisme Melayu, ia bukan sahaja menyentuh aspek fikiran, tetapi juga aspek urbanis, iaitu penggerak kemajuan bandar pintar itu sendiri. Urbanis yang dimaksudkan itu bukan sahaja meliputi kaum Melayu, tetapi juga kaum lain yang mendiami bandar pintar yang berkenaan. Selain kelas atasan, banyak juga penghuninya daripada kelas menengah, malah kelas bawahan. Di sinilah timbul kepelbagaian pemikiran, sama ada yang bersikap takulan (akur), menerima berhati-hati, menerima sebahagian atau yang bersikap menentang terus pembangunan ICT. Dalam pada itu lahirlah kepelbagaian pemikiran budaya siber (Bell 2001) di era ledakan ICT. Kepelbagaian budaya siber ini bukan sahaja membezakan identiti dan pemikiran antara kelas masyarakat, tetapi juga membezakan pemikiran individu dalam kelas masyarakat di bandar pintar itu sendiri. Namun, perbincangan dalam rencana ini tertumpu kepada kepelbagaian siber urbanisme isi rumah kelas menengah Melayu di Putrajaya untuk meninjau perbezaan identiti mereka yang telah memasuki era MGB dengan sebelumnya.

EPISTEMOLOGI SIBER URBANISME

Epistemologi siber urbanisme yang dibincangkan dalam rencana ini berdasarkan teori pluralisme dan teori kritik budaya tekno (Cooper 2002). Kedua-duanya melihat kepelbagaian pemikiran siber urbanisme pada mereka yang tinggal di bandar pintar. Epistemologi ini banyak didorong pemahaman bahawa manusia itu makhluk yang pandai berfikir sama ada di pihak pemerintah atau pihak



harian. Ia juga mempengaruhi penerimaan mereka terhadap kemajuan ICT berdasarkan sifat, identiti, kecenderungan dan keupayaan masing-masing. Sehubungan itu, pemikiran siber urbanisme orang Melayu di bandar pintar boleh dibahagikan kepada empat pola pemikiran. Yang pertama itu mereka yang bersikap menerima terus kemajuan tanpa berdolak dalik kerana mendapati kemajuan itu boleh memberi kebaikan semata-mata. Fikiran sedemikian itu timbul sama ada dipengaruhi kaum kerabat atau masyarakat di sekitar mereka. Yang kedua adalah mereka yang bersikap berhati-hati dalam menerima dan menolak kemajuan. Golongan ini lambat sedikit dalam menikmati kemajuan berbanding golongan yang pertama tadi. Yang ketiga adalah mereka yang bersikap mengkritik kemajuan dengan menimbang dengan semasak-masaknya kesan kemajuan yang dianjurkan. Golongan orang ini bersikap berdikari, maka bebas untuk menolak atau menerima kemajuan. Yang keempat adalah mereka yang menolak terus kemajuan. Tindakan penentangan daripada golongan orang ini boleh disebabkan kepentingan parti atau tidak.

Begitulah juga dengan teori pluralisme dan kritikan budaya berteknologi ICT yang banyak bercorakkan kepelbagaian epistemologi pemikiran siber urbanisme Melayu bandar pintar. Hal ini boleh diungkap dengan menggunakan metodologi menggabungkan pendekatan positivisme dengan pasca-positivisme, termasuk metodologi *deconstructive* yang melihat peranan bahasa dan dialog yang diluahkan manusia yang menerima kemajuan bagi mengenali corak pemikiran dan perwatakan mereka. Ini bermakna pendekatan dialog dan bahasa boleh mencungkil corak pemikiran siber urbanisme orang Melayu di bandar pintar yang bersifat plural. Metodologi *deconstructive* yang digunakan itu lebih mendekati kaedah yang diperkenalkan Jurgen Habermas (Myerson 2001), seorang sarjana generasi kedua aliran Frankfurt School yang melihat peranan komunikasi dalam pembangunan. Menurut beliau, peranan komunikasi dapat meluahkan kritikan dan muhasabah kepada kemajuan yang diperkenalkan. Dialog-dialog hasil berkomunikasi yang bersifat kritis atau menentang boleh menjadi petunjuk kepada pembaikan strategi dan pelaksanaan pembangunan. Selain itu, dalam era budaya tekno dengan berkembangnya penggunaan ICT, lahirlah budaya berkomunikasi digital. Campuran antara gaya berkomunikasi serta berwacana secara manual dan digital melalui ICT itu menyemarakkan lagi pemikiran kritis.

Menurut Habermas, berwacana wujud bila komunikasi itu dibenarkan sama ada secara rasmi atau tidak. Ia adalah 'utopia' pasca-modernisme dengan makna, maksud dan citra kehidupan tidak lagi ditentukan komunikasi menurut kehendak struktur dan institusi. Tetapi setiap individu dalam kelompok itu bebas berkomunikasi dan menyampaikan pendapatnya yang akhirnya membawa kepada sifat kepelbagaian. Beliau dapati ada empat bentuk falsafah mengenai rasionaliti berkomunikasi. Pertama, berkomunikasi bukan untuk menimbulkan persaingan tujuan dan matlamat. Kedua, berkomunikasi bukan satu-satunya strategi untuk mencapai kejayaan. Ketiga, berkomunikasi adalah untuk



bekerjasama bagi memahami bahasa yang disampaikan di sebalik komunikasi itu. Keempat, berkomunikasi boleh membawa kepada suasana yang lebih terbuka, termasuk mengkritik, menzahirkan alasan yang terbaik, membuat keputusan serta tindakan atas dasar apa yang dipercayai daripada berkomunikasi tadi.

Kemudahan ICT di bandar pintar telah membawa kepada kegiatan berkomunikasi dan berwacana dengan lebih luas di ruang siber (Brown & Yule 1983). Namun, manusia mempunyai pemikiran yang berbeza dalam penerimaan komunikasi dan wacana di ruang siber. Pemikiran yang berbeza tadi bergantung kepada motif, kehendak dan latar belakang hidup manusia, termasuk pengalaman yang diperolehi. Perbezaan itu membawa kepada perbezaan epistemologi siber urbanisme, maka menjadi asas kepada kepelbagaian pemikiran siber urbanisme orang Melayu di bandar pintar. Ada empat epistemologi siber urbanisme yang berbeza dalam konteks pembangunan bandar pintar. Pertama, pemikiran siber urbanisme pemerintah (Hendler 1995), iaitu corak pemikiran yang cenderung kepada falsafah *totalitarian*, *authoritarian* dan etika utilitarianisme. Ia timbul bila pihak pemerintah melaksanakan tanggung jawab sosial bagi memastikan perancangan dan pembangunan bandar pintar itu berjaya. Berdasarkan epistemologi ini, cadangan pemerintah mesti diikuti rakyat. Jika ada ruang untuk bersuara, rakyat akan diberi peluang menurut budi bicara atau melalui saluran yang diperuntukkan undang-undang. Pelaksanaan pembangunan golongan ini lebih mendekati instrumentalis dan pragmatis. Kesannya adalah lahirnya dasar-dasar seperti Pelan Teknologi Maklumat Negara, Undang-undang Siber dan Dasar Ekonomi Berasaskan Pengetahuan.

Kedua, pemikiran siber urbanisme pentadbir yang lebih bersifat idealis, optimis dan kepatuhan (takulan). Falsafah pemikiran golongan ini taat kepada kehendak pemerintah kerana mereka adalah pelaksana dasar kerajaan bagi memastikan pembangunan bandar pintar boleh berjalan dengan lancar. Kemudahan ICT dijadikan alat untuk melicinkan pentadbiran seperti melaksanakan sistem kerajaan elektronik. Dalam itu, golongan ini diberi tugas dan tanggung jawab menggubal dasar serta tatacara penggunaan ICT nasional. Mereka sangat mementingkan pentadbiran dan mahu prosedur, perundangan diikuti agar menjadi cekap, efisien dan sentiasa mengikut arahan daripada pihak pemikiran siber urbanisme pemerintah. Peranan golongan ini biasanya menjadi pengantara kepada pihak pemikiran siber urbanisme pengguna dan pihak pemikiran siber urbanisme terbina dengan pihak pemikiran siber urbanisme pemerintah. Sehubungan itu, identiti golongan ini lebih bersifat instrumentalis, iaitu identiti yang didorong dan diatur kemajuannya.

Ketiga pemikiran siber urbanisme pengguna (Baudrillard 1988) yang merujuk kepada nilai universalisme dan liberalisme dalam menjaga kepentingan pengguna serta kepentingan dan kebajikan semua pihak, termasuk orang individu. Tuntutan hak dan kedaulatan setiap individu seperti yang diperuntukkan undang-undang dalam pembangunan ICT sentiasa diperjuangkan.



Golongan ini berpendapat bahawa kebebasan perlu diberi kepada semua orang untuk mempelopori teknologi ICT, sama ada sebagai pengusaha atau pengguna. Konsep adaptasi, difusi dan inovasi ICT sangat dititikberatkan dengan membuka peluang kepada semua pihak, tanpa mengira jantina, kaum, etnik dan taraf masyarakat. Kesannya ialah lahirnya golongan yang berusaha memonopoli kemajuan teknologi dan yang menentang monopoli teknologi seperti Bill Gates melawan kerajaan Amerika Syarikat. Identiti mereka lebih menurut keadaan situasi dan perkembangan global, sama ada menerima proses globalisasi sepenuhnya, sebahagian atau menolaknya. Ini bermakna pemikiran pemikiran siber urbanisme pengguna adalah hasil fenomena kosmopolitan bandar pintar di era teknologi maklumat.

Keempat, pemikiran siber urbanisme terbina (Lincoln 1990) iaitu fikiran kritis, kreatif, dinamik dan bercirikan kebolehbinaan. Terdapat juga mereka ini menganut teori kritik yang membentuk jiwa mereka cenderung kepada menentang atau revolusi. Kecenderungan ini lebih ketara pada era pasca-modernisme dan pasca-strukturalisme. Mereka memperjuangkan hak individu seluas-luasnya mengikut kategori, biografi, etnografi dan kepelbagaian etnik dalam kelompok masyarakat yang lebih kecil dan kompleks. Setengah pandangan mereka agak radikal, terutama bagi yang terpinggir atau merasa tertindas. Mereka ini biasanya adalah kelompok kecil dan dari peringkat bawahan yang terpisah dari arus perdana kemajuan. Pemikiran golongan ini bertentangan dengan falsafah pemikiran siber urbanisme pemerintah dan pemikiran siber urbanisme pentadbir. Selain itu, identiti golongan ini sama ada yang bersikap konstruktif, dekonstruktif atau aktivis yang berkomunikasi serta berwacana tanpa kawalan pihak pemerintah sepenuhnya. Sikap kritik dan identiti mereka yang membudayakan teknologi itu adalah berdasarkan pertimbangan daripada pelbagai sudut. Ia menjadi penimbang kepada kemajuan bandar pintar agar faedah maksimum pembangunan dapat dinikmati individu, isi rumah, komuniti dan masyarakat. Dalam pada itu ia merapatkan lagi jurang perbezaan digital dan membuka peluang digital dalam pembangunan MGB.

Sampai di sini dapat dirumuskan bahawa epistemologi pemikiran siber urbanisme pemerintah dan epistemologi pemikiran siber urbanisme pentadbir lebih berpandangan pada pihak pemerintah yang bersifat objektif, tetapi epistemologi pemikiran siber urbanisme pengguna dan pemikiran siber urbanisme terbina lebih kepada pandangan dari pihak harian, merujuk sosial kategori yang berbeza dan bersifat subjektif. Kepelbagaian siber urbanisme tadi akan dijelaskan dengan lebih terperinci dari segi ontologinya di bawah ini.

PEMIKIRAN SIBER URBANISME

Apakah sebab berlaku kepelbagaian siber urbanisme? Jawapannya ada kena mengena dengan perbincangan sebelum ini bahawa berkomunikasi dan



berwacana telah membawa kepada epistemologi subjektif dan objektif. Namun, epistemologi subjektif lebih mendasari corak kepelbagaian pemikiran siber urbanisme yang melihat sejauh mana penerimaan konsep bandar pintar oleh penduduk yang berkenaan, terutamanya kepada pihak yang merancang dan pihak yang dirancang. Kepelbagaian pemikiran siber urbanisme itu juga disebabkan pandangan pemerintah iaitu orang yang merancang berbeza daripada pandangan harian iaitu orang yang dirancang, maka telah membawa kepada pertentangan kedua-dua pihak itu; dan, jika tidak dikawal, ia boleh membawa kepada krisis.

Oleh sebab fikiran dan sikap pihak pemerintah itu objektif, ia lebih mengemukakan nilai sivi yang merujuk kepada epistemologi pemikiran pemikiran siber urbanisme pemerintah dan pemikiran siber urbanisme pentadbir. Mereka menganggap pembangunan seharusnya memberi kebaikan dan faedah maksimum kepada majoriti penduduk. Matlamat itu juga agenda utama dalam pembangunan ICT di bandar pintar yang mahukan rakyatnya menerima faedah semaksimum yang mungkin demi mencapai kemajuan negara dan bangsa. Pembangunan identiti bandar pintar yang diberi penekanan di pihak pemerintah itu bersifat instrumental. Walaupun pemikiran siber urbanisme pemerintah itu bersifat pelbagai kategori yang terangkum di bawah epistemologi pemikiran siber urbanisme pemerintah dan pemikiran siber urbanisme pentadbir, tetapi ada lima kategori pemikiran cyberurbanisme di bawah epistemologi pemikiran siber urbanisme pemerintah dan pemikiran siber urbanisme pentadbir seperti yang dibincangkan selanjutnya.

Pertama, pemikiran siber menganggap ICT pelengkap kepada kemajuan hidup (*technotopianism*) yang berdasarkan identiti instrumentalis itu berfikir bahawa *technotopianism* memperlihatkan prinsip *panopticon*, kelengkapan utiliti, tidak menolak kemajuan, terus menerima kemudahan ICT dan mempunyai sangkaan yang baik terhadap ICT. Mereka tertarik hati kepada kemajuan bandar pintar dari sudut estetika sama ada yang digambarkan melalui rekabentuk bandar, kelengkapan prasarana dan kecanggihan prasarana ICT. Kecanggihan prasarana ICT, fungsi dan kesesuaian teknologi ICT tetap diambil kira untuk keperluan manusia. Antara contoh konsep bandar pintar yang dimaksudkan itu adalah *wired city*, *smart city* dan *intelligent city* (Komninos 2002) yang banyak melaksanakan pembangunan prasarana ICT. Konsep tadi diguna banyak negara sehingga menjadi agenda pembangunan utama, seperti projek Putrajaya dan Cyberjaya. Pemikiran ini banyak dianuti mereka yang merancang pembangunan atau yang menerima pembangunan selari dengan agenda pemerintah.

Kedua, pemikiran siber menganggap ICT sebagai teknologi pembangunan bangsa (*technonationalism*). Melihat ICT sebagai titik tolak kepada perubahan budaya dan perubahan sosial bagi pembangunan bangsa di peringkat nasional. Sifat positif seperti daya keusahawanan, inovatif, kreatif dan proaktif digalakkan dalam menyumbangkan proses penciptaan teknologi baru ICT. Semua ini cuba diterjemah dalam konsep bandar pintar seperti bandar inovatif (Wood 2001),



knowledge city, technopolis (Castells & Hall 1994), *information city* (Castells 1991) dan *competitive city*. Pembangunan bandar pintar ini telah dikaitkan dalam usaha membangunkan sumber manusia dalam bidang keusahawanan, pekerja berpengetahuan dan masyarakat berpengetahuan sebagai agenda pembangunan nasional. Kesemua itu telah menyumbang kepada pembangunan sumber manusia di bidang sains dan teknologi demi mencapai pembangunan negara. Pemikiran ini dianuti pemimpin dan negarawan.

Ketiga, pemikiran siber menganggap ICT sebagai teknologi kemajuan sejagat (*technouniversalism*) yang ingin mencapai standad global dalam proses globalisasi. Ia boleh diterjemahkan sebagai konsep bandar pintar berdasarkan konsep bandar global, bandar berangkaian elektronik, *networking city* (Sassen 2002), bandar sejagat, *world-class city, world city* dan sebagainya. Pemikiran ini timbul dengan andaian bahawa sebarang perubahan di peringkat global memerlukan perubahan nilai sejagat supaya masyarakat itu akan terus maju. Oleh itu mereka yang berfikirannya itu bersikap lebih terbuka dan bersedia menghadapi cabaran global untuk kemajuan. Sehubungan itu, timbullah istilah seperti MGB yang kini menjadi agenda penting pembangunan negara kita. Biasanya pemikiran ini dianuti pihak pemerintah yang sama ada menerima proses globalisasi dengan sepenuhnya atau cuma sebahagian sahaja.

Keempat, pemikiran siber menganggap ICT sebagai teknologi kemajuan yang mapan (*technosustainism*) ini menumpukan perhatian kepada isu penjagaan persekitaran yang mapan dalam semua aspek persekitaran, teknologi, ekonomi, sosial dan politik, antara yang lain. Konsep bandar pintar adalah seperti bandar mapan, bandar sejahtera, bandar selamat, *sociopolis* dan *eco-media city*. ICT yang menjadi teknologi pemangkin kepada prasarana bandar pintar itu dianggap sebagai teknologi mesra alam kepada kehidupan manusia. Contohnya, ICT yang dibangunkan melalui konsep *eco-media city* (Kurokawa 1994 & 1997) dapat meningkatkan taraf hidup penduduk selain menjaga kualiti persekitaran dengan lebih mapan. Simbiosis antara alam semula jadi, binaan buatan manusia dan ICT dapat meningkatkan kehidupan manusia dari segi kualiti hidup, kualiti berkomunikasi dan kualiti alam sekeliling. Pemikiran ini biasanya dianuti pencinta alam dan golongan yang bertanggung jawab menjaga alam sekitar.

Kelima, pemikiran di pihak pemerintah dan di bawah epistemologi ialah pemikiran siber urbanisme pemerintah dan pemikiran siber urbanisme pentadbir ialah pemikiran siber menganggap ICT sebagai teknologi kemajuan yang holistik (*technoholism*). Pemikiran ini (Abu Bakar Abdul Majeed & Siti Fatimah Abdul Rahman 2000) melihat peranan agama dan roh dalam pembangunan ICT, MGB dan pembangunan fizikal bandar pintar. Penyebaran ajaran agama diterjemahkan dalam konsep bandar pintar sebagai bandar madani, bandar Islam, bandar keadilan, bandar kemanusiaan dan bandar berinformasi. Pemikiran ini menjadi nilai sivil dengan mempertimbangkan persoalan metafizik dan holistik dalam pembangunan bandar pintar yang memperlihatkan hubungan manusia dengan Penciptanya, selain hubungan manusia dengan manusia. Antara contoh yang



boleh dilihat ialah pelaksanaan konsep bandar Islam, bandar serambi Mekah, kota budaya dan Bandar Fikrah yang dilaksanakan di Selangor dan Kelantan. Pemikiran ini dipelopori golongan agama yang melihat peranan ICT sebagai alat dakwah dan penyebar ajaran agama.

Namun, tumpuan perbincangan ini tertumpu kepada *cyberurbanisme* menurut pandangan pihak rakyat. Pandangan ini terangkum dalam epistemologi pemikiran siber urbanisme pengguna dan pemikiran siber urbanisme terbina dan lahir daripada pandangan pelbagai kategori, dan bertentangan dengan kehendak pihak pemerintah. Tetapi, pemikiran di pihak rakyat boleh menjadi petunjuk kepada kekuatan atau kelemahan, peluang ataupun ancaman kepada kemajuan bandar pintar dan MGB. Seperti yang dinyatakan sebelum ini *cyberurbanisme* rakyat itu bersikap subjektif. Mereka bebas memilih sama ada menerima ICT dengan sepenuhnya, atau menerima dengan berhati-hati, tertakluk kepada kebaikan dan keburukannya. Gejala ini dapat dilihat seperti klasifikasi MGB yang dibuat Rogers dan Shoemaker (1995) yang melihat tahap penerimaan sama ada di tahap inovatif, penerima awal, majoriti awal, majoriti akhir atau ketinggalan. Metodologi pembangunan identiti MGB yang dianjurkan *cyberurbanisme* rakyat ini adalah identiti menurut situasi, konstruktif dan aktivis pelbagai kategori, bergantung pada kecenderungan pemikiran masing-masing. Sehubungan itu, ada enam kategori pemikiran *cyberurbanisme* rakyat seperti akan dibincang selanjutnya.

Pertama, pemikiran *technoheterotopianism* (Levinson 1999) yang melihat fungsi dan peranan ICT bukan hanya sebagai prasarana kelengkapan bandar pintar, tetapi juga banyak pecahannya seperti kandungan, perkomputeran, talian sambungan, *hypermedia*, dan multimedia yang memberi faedah. Ini termasuk budaya ICT yang dinanggap mempunyai bahasanya dengan makna yang boleh difahami dan tidak difahami. Contohnya adalah bahasa SMS dan *chatting* yang menggunakan bahasa ringkas. Bahasa SMS, misalnya, adalah seperti 'Allo aslmk ape khabar' (Hello, Assalamualaikum. Apa khabar). Kesemua itu menggambarkan bahasa, termasuk bahasa Melayu telah berubah sehinggakan menggunakan ejaan dan perkataan ringkas yang sudah ada kod dan imej yang menyatakan maksudnya yang tersendiri. Pemikiran siber urbanisme ini menjadi budaya yang bercambah kepada pengguna ICT dengan teknologi kebendaan masa kini menjadi lebih kecil (*nano technology*). Teknologi seperti telefon mudah alih dan kamera digital boleh dibawa ke mana-mana, lebih-lebih lagi sudah menghasilkan kandungan seperti gambar, imej dan suara dengan kadar yang segera.

Kedua, pemikiran *technoromanticism* (Coyne 1999) berpendirian simpatik, empatik dan sentimental kepada golongan lemah, terpinggir dan dipinggirkan dalam arus kemajuan ICT. Pemikiran ini muncul kerana merasakan pembangunan bandar pintar tidak harus meminggirkan golongan seperti ibu tunggal, orang kurang upaya, warga tua dan kanak-kanak miskin. Mereka yang berfikiran *technoromanticism* biasanya berfikiran kritikal. Ia dipelopori individu yang



prihatin dan empatik kepada masyarakat yang tersisih. Wadah perjuangan mereka adalah dalam bentuk kepartian dan non-partisan bagi menegakkan hak mereka yang terpinggir dan tersisih. Pemikiran ini biasanya mengambil jalan yang bertentangan dengan agenda pemerintah atau selari dengan dasar pemerintah.

Ketiga, pemikiran siber urbanisme yang mengutamakan kebebasan manusia mengeluarkan dan menggunakan teknologi ICT. Bagi mereka, teknologi ICT adalah untuk faedah dan kebebasan manusia untuk hidup. Bagi mereka, manusia bebas mengguna dan mengawal teknologi ICT. Oleh sebab ICT adalah alat untuk mencapai kehendak manusia, maka ia mesti memberi faedah semaksimum kepada manusia, termasuk nilai moral, estetika dan etika, asalkan sesuai dengan kehendak dan fitrah kebebasan manusia. Kebebasan dalam penggunaan teknologi ICT diutamakan selagi tidak bertentangan dengan nilai biasa manusia seperti kelakuan golongan *cyberfemenism*, *cybergay*, *cybernazi*, *cyberpunk*. Mereka mahu kebebasan memberi pendapat dalam laman web masing-masing kerana kebebasan menggunakan ICT dianggap hak individu. Sebab itu mereka tidak menentang pornografi di Internet asalkan penggunanya sudah berusia lebih 18 tahun. Mereka tidak menghalang kebebasan dan hak individu menggunakan ICT kerana ia memberi peluang tanpa batas kepada manusia untuk berfikir, berkreatif dan berinovatif, walaupun kebebasan itu telah membuat manusia menemui teknologi pengklonan manusia dan *cyborg* yang bertentangan dengan nilai agama serta fitrah kejadian manusia.

Keempat, pemikiran siber yang mengkritik dan kritis terhadap kepentingan kemudahan ICT (*technooppositionism*) (Lash 2002) yang mengkritik faedah ICT dan mempertahankan penggunaan manual. Bagi mereka, ICT banyak mendatangkan masalah dan kesan buruk kepada manusia dari segi pekerjaan, hubungan sosial dan keselamatan. Bagi mereka, ICT banyak membawa budaya kebendaan sehinggakan telah menguasai nilai kemanusiaan berdasarkan matlamat kebendaan. Pada mereka, penggunaan ICT menyebabkan manusia kurang berinteraksi dan jarang bersua muka yang penting kepada hubungan sosial. Demikian juga ICT bukan sahaja mengurangkan peluang pekerjaan, tetapi juga meningkatkan jurang pengetahuan tenaga kerja, selain menimbulkan penyakit baru seperti ketagihan Internet, ketagihan penggunaan komputer dan SMS. Mereka biasanya memboikot penggunaan ICT, dan tidak menjadikan ICT itu prasarana yang mendorong kemajuan hidup. Selain itu, mereka menganggap produk ICT adalah alat kapitalis untuk menjajah dunia siber sehinggakan mengeneipkan nilai kemanusiaan. Dengan kata lain, mereka (Stoll 1995) mempertahankan manusia sebagai khalifah yang semestinya menguasai teknologi dan bukan yang sebaliknya. Bukti yang mereka tunjukkan adalah ketepatan fikiran manusia tidak boleh disamakan dengan ketepatan komputer dalam “membaca” data dan maklumat. Menurut mereka ketepatan data dan maklumat bergantung kepada kuasa minda manusia yang mempunyai kebolehan meminda, memperbetul atau memalsukannya.



Kelima, pemikiran siber yang takut dan bimbang dengan penggunaan kemudahan ICT (*technophobiaism*) (Santana 1997) merasa takut, bimbang, waswas dan fobia kepada penggunaan ICT. Mereka yang tinggal di bandar pintar akan cuba memisahkan diri kerana sangsi terhadap ICT. Mereka ini lebih banyak bergantung pada orang lain dan boleh dianggap sebagai golongan penjenayah siber (Graham & Marvin 1996) yang menjadi punca berlakunya jurang digital, siber, maklumat dan pengetahuan dalam MGB. Tidak mengira gender dan kedudukan sosial, sikap mereka mungkin adalah kesan daripada pendidikan, emosi dan pengalaman mereka. Kajian selama ini mendapati pemikiran *technophobiaism* ini bersifat sementara, memandangkan rasa takut mereka itu akan hilang setelah diberi bimbingan dan tunjuk ajar. Banyak program celik ICT kepada golongan warga tua, kanak-kanak, ibu tunggal dan orang kurang upaya telah mengubah sikap mereka.

Keenam, pemikiran siber yang berfikir songsang terhadap kepelbagaian penggunaan ICT (*technodystopianism*) (Bird 2000) yang menganggap ICT adalah landasan bagi mencipta kekayaan dan keseronokan. Mereka sanggup menggunakan ICT untuk melakukan jenayah siber dan komputer, termasuk *hacking*, menghantar virus komputer, *mailbomb*, imej lucu, surat layang dan *spam* atas nama kebebasan menggunakan ICT. Mereka puas dan seronok bila melihat komputer orang lain diceroboh atau rosak. Mereka dianggap penjenayah siber (Ebo 1998 & Bird 2000) kerana mengancam konsep unggul bandar pintar. Jejak langkah mereka dapat dikesan, malah ada yang telah menjalani hukuman undang-undang dan yang lain sudah bertaubat.

KEPELBAGAIAN PEMIKIRAN SIBER URBANISME MELAYU DI PUTRAJAYA

Putrajaya adalah bandar pintar, bandar taman dalam MSC yang memainkan peranan sebagai bandar pentadbiran kerajaan persekutuan Malaysia, menggantikan Kuala Lumpur. Ia dibangunkan kerana kerajaan Malaysia mahu memindahkan semua kementerian dari Kuala Lumpur yang semakin sesak kerana pertumbuhannya yang pesat. Sehubungan itu, pusat pentadbiran baru itu dihubungi sistem pengangkutan lebuh raya, selain perkhidmatan ERL yang menghubungkan KL Sentral, Putrajaya dan KLIA. Antara konsep bandar pintar ialah merealisasikan ICT sebagai prasarana utama dari aspek komunikasi, pengurusan perniagaan, kegiatan ekonomi, pengurusan pengangkutan dan pentadbiran kerajaan. Adalah dijangkakan penduduk Putrajaya akan meningkat kepada 250,000 orang pada tahun 2005 dengan majoritinya daripada orang Melayu dan lebih daripada 70 peratus penduduknya terdiri daripada kakitangan kerajaan.

Dalam kajian kes ini, 124 orang ketua rumah daripada kelas menengah Melayu di Putrajaya telah dipilih sebagai responden. Daripada jumlah itu, 81.5%

mereka adalah kakitangan kerajaan. Bagi menentukan kedudukan kemajuan MGB di kalangan Melayu di Putrajaya, kajian ini menggunakan analisis indeks kumulatif yang disesuaikan daripada skala Rogers (1995) dan analisis *Johoka Sakai*. Indeks kumulatif itu berasaskan pengukuran ke atas angkubah di bawah komponen kebolehan manusia (*humanware*), infrastruktur & inforstruktur teknologi (*technoware*), pengurusan maklumat (*inforware*) dan nilai dan etika siber (*valueware*) (ESCAP 1988 & Hamelink 2000). Sesuai dengan kajian ini, skala Rogers dan *Johoka Sakai* tadi telah dipecahkan untuk memperincikan lagi kedudukan indeks MGB. Hasil kajian mendapati adalah seperti dalam Jadual

JADUAL 1 Kedudukan indeks kumulatif MGB dikalangan responden Melayu Bandar Pintar Putrajaya

Kedudukan Indeks	Bilangan	Peratus
Inovatif	-tiada-	0.0
Penerima awal tahap tinggi	1	0.8
Penerima awal tahap rendah	10	8.1
Majoriti awal tahap tinggi	25	20.2
Majoriti awal tahap rendah	49	39.5
Majoriti akhir tahap tinggi	35	28.2
Majoriti akhir tahap rendah	4	3.2
Ketinggalan	-tiada-	0.0
Jumlah	124	100.0

1.

Berdasarkan maklumat kuantitatif dalam Jadual 1 ingin diketahui kepelbagaian pemikiran siber urbanisme di kalangan penduduk yang berkenaan. Untuk itu, responden ditemu bual bagi mendapatkan pandangan mereka, baik yang menyokong dan yang menentang, di banyak tahap, mereka tidak berpuas hati dengan pembangunan dan kelengkapan infrastruktur ICT di Putrajaya. Antara sebabnya adalah perbezaan pendapat pihak Perbadanan Putrajaya dengan pendapat responden dalam isu pembangunan kemudahan ICT, malahan lahirnya kenyataan seperti ‘...saya tidak didedahkan dengan cyberlaw...’, ‘...rumah saya tiada talian telefon...’ dan ‘...saya beli rumah di sini sangkakan ada fiber optik tetapi tiada...mana bandar pintarnya...?’.

Walaupun terdapat pandangan negatif itu, tetapi orang Melayu di Putrajaya ada yang berfikiran *technotopianism* iaitu telah menyedari pentingnya ICT dalam hidup, maka mengharapkan kuantiti dan kualiti yang tinggi. Mereka sangat mengharapkan faedah dan kemajuan di bandar pintar. Namun, sikap mereka tidak ambil tahu tentang undang-undang siber, undang-undang harta intelek dan akta pencegahan cetak rompak misalnya, tidak boleh diterima, kerana undang-undang itu telah diluluskan di parlimen.

Fikiran *technoromanticism* di kalangan orang Melayu di Putrajaya boleh



diketahui dari petikan pendapat mereka, termasuk ‘...sejauh mana bandar pintar ambil kira keperluan orang cacat...?...Saya ada anak cacat sindrom telesemania...’ dan juga mereka yang merasakan diri mereka sudah terpinggir ‘...kami yang duduk di kuarters flat ni tiada kemampuan nak beli komputer...’ dan juga ‘...kerjasama masyarakat kurang Pegawai A dengan hal masing-masing, tak nak campur dengan kami...’. Sehubungan itu, ingin dinyatakan bahawa semasa kajian itu dibuat, pihak Perbadanan Putrajaya masih membina prasarannya dan belum dibangunkan MGB. Selain itu, majoriti penduduknya yang baru berpindah dari Lembah Klang dan Kuala Lumpur itu belum mengenali sesama mereka sendiri, maka hubungan sosial mereka masih renggang. Program mengenali jiran tetangga di peringkat awal bergantung kepada acara pertubuhan parti, jawatankuasa penduduk, Perbadanan Putrajaya dan aktiviti surau.

Mereka yang berfikiran *technohumanism* mengeluarkan pendapat seperti ‘...komputer ni banyak faedahnya tetapi saya tak pandai guna, mintak tolong anak...’, ‘...tiada masa nak tengok internet, sibuk...’, dan ‘...saya belajar sendiri membaiki komputer berdasarkan buku panduan yang dibeli...’ dan juga ‘...ada masanya saya buat *part time* baiki komputer jiran...’. Kenyataan itu menunjukkan ingin menguasai teknologi ICT. Mereka rata-rata percaya pentingnya menggunakan ICT asalkan tidak melanggar nilai agama dan standard moral. Mereka tidak akan hantar e-mail fitnah dan imej lucah di Internet.

Mereka yang berfikiran *technooppositionism* juga ada sebab-sebabnya seperti yang kelihatan dalam pendapat mereka, seperti “...saya tidak akan guna e-commerce... lebih baik beli cara manual...”, “...saya tidak beli komputer... anak saya malas membaca asyik main *game* komputer...”, “...saya tak mahu pasang internet, tak mahu anak terdedah dengan maklumat seperti pornografi...” dan “...tak semestinya komputer tu cepatkan kerja, bila rosak atau *breakdown* lambatlah kerja...”. Namun, setelah diteliti, ada tiga sebab mereka bersikap sedemikian: kurang memahami objektif pembangunan ICT, tidak jelas tentang sistem operasi yang mereka terima dan isi maklumat ICT di luar kawalan manusia. Setelah dikupas, mereka yang kurang memahami objektif pembangunan ICT itu didapati kuat dipengaruhi kemajuan ICT yang tidak menentu, selain mendapati pembangunan ICT itu tidak sesuai dengan pembangunan keluarga mereka. Seterusnya, mereka yang tidak jelas tentang sistem operasi, kerana ada kejadian jenayah siber, termasuk kehilangan wang daripada ATM, penipuan kad kredit serta penipuan harga dan kualiti barangan yang ditempah melalui Internet. Dan, mereka yang mendapati isi maklumat ICT di luar kawalan mereka itu kerana terancam bila melayari Internet, lebih-lebih lagi bimbang ahli keluarga mereka menemui maklumat yang bertentangan dengan nilai budaya dan standard moral tradisional.

Kesemua faktor itu juga mencetuskan fikiran *technophobia* pada setengah orang Melayu di Putrajaya, terutamanya warga tua, suri rumah tangga dan pekerja kelas menengah di peringkat rendah. Mereka menyatakan “...akak suri rumah, takut nak guna komputer kerana semuanya dalam bahasa



inggeris...”, “...saya tidak percaya dengan sistem e-commerce, nanti orang guna saya punya kad kredit...” dan “...minat tu ade nak guna komputer...tapi takut nak guna *keyboard*...” Daripada pemerhatian, kami mendapati ada dua sebab lahirnya pemikiran *technophobia*. Pertama, umur dan kedua, pendidikan. Kedua-dua faktor itu saling mempengaruhi. Generasi tua lazimnya tidak sahaja lemah di bidang ICT berbanding dengan orang muda, tetapi juga kurang pendedahan kepada ICT berbanding dengan orang muda yang diajar ICT di peringkat sekolah lagi.

Semasa kajian dibuat, ramai orang muda di Putrajaya berfikir *technodystopianism*, iaitu jemu di Putrajaya kerana kekurangan kemudahan rekreasi, hiburan dan aktiviti sosial untuk mengisi masa lapang. Semasa kajian ini dibuat, belum ada pusat membeli belah ala *hypermarket* di Putrajaya. Mereka ini mengeluarkan pendapat “...adik suka lepak kat cyber café boleh tengok internet... duduk rumah boring,....sambil tu boleh main *game*...”. Walaupun ada perpustakaan di Percint 8 dan 9, mereka tidak berminat kerana kemudahan Internet amat terhad, kerana Perbadanan Putrajaya tidak membenarkan perniagaan cyber café. Ini menyebabkan orang muda mencari hiburan di Kuala Lumpur dan bermalam di rumah kawan mereka tanpa pengetahuan ibu bapa di Putrajaya. Akibat sukar mendapat VCD dan CD asli, maka CD dan VCD cetak rompak sukar dielakkan. Dalam kajian ini, 66.7% responden mengakui pernah membeli VCD cetak rompak. Walaupun pecah rumah dan merosakkan harta benda awam sering berlaku, tetapi jenayah komputer dan siber tidak berlaku di Putrajaya. Selain itu, kami tidak mempunyai maklumat tentang orang Melayu di Putrajaya menonton gambar lucu di Internet.

KESIMPULAN

Biarpun Putrajaya telah dirancang pembangunannya, tetapi pemikiran siber urbanisme daripada aspek negatifnya sama banyak dengan aspek positifnya. Ini bermakna bandar pintar juga ada masalah yang dialami bandar tradisional, yang bukan berkonsepkan bandar pintar. Dari banyak segi, kepelbagaian siber urbanisme yang disebut dalam kajian ini adalah masalah sejagat yang dialami manusia, sama ada di bandar pintar atau tidak. Yang pasti adalah penghuni di bandar pintar lebih banyak menyedari kuasa ICT dalam mendorong peningkatan taraf hidup mereka, justeru kuasa ICT adalah enjin penggerak yang mendorong kemajuan masyarakat itu dengan lebih cepat ke arah pembangunan bandar pintar yang dirancangan itu.

RUJUKAN

- Abu Bakar Abdul Majeed & Siti Fatimah Abdul Rahman (pnyt.). 2000. *Multimedia dan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
Baudrillard, J. 1988. *The Ectasy of Communication*. New York: Semiotext



- Bell, D. 2001. *An Introduction to Cybercultures*. London: Routledge.
- Bird, J. 2000. Dystopia on the Themes: 303-309. IN Miles, M. , Hall, T. & Borden, I. (pnyt.). *The City Culture Reader* London: Routledge.
- Brown, G. & Yule, G. 1983. *Discourses Analysis*. Messachussets: Cambridge University Press.
- Castells, M. 1991. *The Informational City: Information Technology, Economic Restructuring and the Urban Regional Process*. Oxford: Blackwell.
- _____ & Hall, P. 1994. *Technopoles of the World: The Making of 21st Century Industrial Complexes*. London: Routledge.
- Cooper, S. 2002. *Technoculture and Critical Theory: In the Service of the Machine?* London: Routledge.
- Coyne, R. 1999. *Technoromanticism: Digital Narrative, Holism and the Romance of the Real*. Messachussets: MIT Press.
- Hendler, S. 1995. *Planning Ethics: A Reader in Planning Theory, Practice and Education*. New Jersey: New Brunswick.
- Ebo, B. (pnyt). 1998. *Cyberghetto or Cybertopia? Race, Class and Gender on the Internet*. Westport (CT): Praeger
- Economic and Soscial Commission for Asia and The Pacific (ESCAP), United Nations. 1988. *A Framework for Technology for Development*. Bangalore: Asian and Pacific for Transfer of Technology (APTT).
- Graham, S. & Marvin, S. 1996. *Telecommunication and the City: Electronic Spaces, Urban Places*. London: Routledge.
- Hamelink, C. J. 2000. *The Ethics of Cyberspace*. London: Sage.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2001. *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2000: Taburan Penduduk Mengikut Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dan Mukim*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Komminos, N. 2002. *Intelligent Cities: Innovations, Knowledge Systems and Digital Spaces*. London: Spon Press
- Kurokawa, K. 1994. *The Philosophy of Symbiosis*. London: Academy Editions.
- _____. 1997. *Each One of a Hero: The Philosophy of Symbiosis*. Tokyo: Kodansha International.
- Lash, S. 2002. *Critique of Information*. London: Sage
- Levinson, P. 1999. *Digital McLuhan: A Guide to the Information Millennium*. London: Routledge.
- Lincoln, Y. S. 1990. The Making of Constructivist. IN Caluba, E. G. (ed.). *The Paradigm Dialog*. Newbury Park: Sage
- Myerson, G. 2001. *Postmodern Encounters, Heidegger, Habermas and the Mobile Phone*. Cambridge: Icon Book.
- Pacione, M. 2001. *Urban geography: A Global Perspective*. London: Routledge
- Rogers, E. M. 1995. *Diffusion of Innovation*. London: McMillan
- _____ & Shoemaker, F. F. 1995. *Communication of Innovation*. London: McMillan
- Santana, B. 1997. Introducing the Technophobia/technophilia Debate: Some comments on the Information Age. <http://www.gseis.ucla.edu/courses/ed253a/beatriz.htm>. (19 Jun 2004).
- Sassen, S. 2002. *Global Network, Linked Cities*. London: Routledge



- Soja, E. W. 2000. *Postmetropolis: Critical Studies of Cities and Regions*. Oxford: Blackwell.
- Stoll, Clifford. 1995. *Silicon Snake Oil: Second Thoughts on the Information Highway*. London: Pan Books.
- Wood, P. 2001. Conclusions: Innovative Cities in Europe. IN Simmie, J. (ed.). *Innovative Cities*. London: Spon Press.

Jalaluddin Abdul Malek, PhD
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi

Emel: jbam@pkrisc.cc.ukm.my

